

SIRI TANAH AIRKU

PERAK
DARUL RIDZUAN

oleh Suraya

NASKHAH CONTOH
HARGA \$ 19.00

PENERBITAN HARTAMAS
23, Jalan M7B, off Jalan
Segambut Bawah, Segambut,
51200 Kuala Lumpur.

PH PENERBITAN HARTAMAS

PENERBITAN HARTAMAS

23, Jalan 3/57B, Off Jalan Segambut Bawah,
Segambut,
52100 Kuala Lumpur.

© PENERBITAN HARTAMAS
Cetakan pertama 1995.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Suraya

Perak Darul Ridzuan / Suraya.

(Siri tanah air ku)

ISBN 983-034-063-5 (set).

ISBN 983-034-067-8

1. Perak - - History. 2. Perak - - Economic conditions.
3. Perak - - Social conditions. 4. Perak - - Social life
and customs. 5. Perak - - Description and travel.

I. Judul. II Siri.

959.5114

APB 740414

03 MAY 1996

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

HAKCIPTA TERPELIHARA. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, ditukarkan ke dalam apa bentuk sekalipun, samada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari PENERBITAN HARTAMAS.

Dicetak di Malaysia oleh: Cetaktama Sdn. Bhd.
B4-09 K. L. Industrial Park, # 653, 5th. Mile Klang Road,
58200 Kuala Lumpur.

PRAKATA

'Siri Tanah Airku' memberi maklumat terperinci tentang setiap buah negeri di Malaysia. Siri ini sesuai sebagai sumber rujukan tambahan para pelajar Tahap Dua sekolah rendah dan sekolah menengah rendah untuk mata pelajaran **Kajian Tempatan**.

Maklumat-maklumat disusun bermula daripada:

- Profil Umum dan Kedudukan Fizikal
- Lintasan Sejarah
- Kegiatan Ekonomi dan Pentadbiran
- Keindahan Negeri
- Ciri-ciri Seni Budaya

Setiap negeri disertakan dengan gelaran masing-masing, manakala tajuk Malaysia menyimpulkan maklumat bagi semua negeri secara menyeluruh.

Kami berkeyakinan buku ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan tambahan kepada generasi muda untuk mengenali negeri-negeri dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum secara lebih dekat.

Selamat membaca!

PENERBIT

Bendera Negeri Perak Darul Ridzuan



Bendera negeri Perak Darul Ridzuan mengandungi tiga warna berjalur putih, kuning dan hitam. Ketiga-tiga jalur ini sama lebarnya.

Warna putih melambangkan kebesaran Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.

Warna kuning melambangkan kebesaran Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan.

Warna hitam melambangkan kebesaran Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir Perak Darul Ridzuan.

Lambang Negeri Perak Darul Ridzuan



Lambang Negeri Perak Darul Ridzuan mengandungi Jata Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. Jata ini dilingkungi dengan bulan sabit yang mengandungi bunga padi.

Jata melambangkan Kedaulatan Raja Pemerintah.

Bulan Sabit menandakan Agama Islam sebagai agama rasmi.

Bunga padi menggambarkan sumber perusahan rakyat dan kesuburan negeri.

Profil Umum dan Kedudukan Fizikal



Negeri Perak membawa gelaran Darul Ridzuan yang bererti Negeri yang Diredai Tuhan. Sesungguhnya banyak keistimewaan tentang negeri ini untuk diperkatakan. Jika negeri-negeri yang lain di Malaysia terkenal kerana kepesatan perkembangan industri, pembangunan, kebudayaan atau warisan sejarah, negeri Perak pula terkenal kerana bijih timah.

Pada suatu ketika dahulu banyak lombong bijih timah dibuka di negeri ini. Hasil bijih timah telah menjadikan Perak sebuah negeri yang kaya dan menarik masuk imigran-imigran ke sini. Walaupun hasil bijih timah telah berkurangan namun aktiviti-aktiviti perlombongan masih dijalankan di negeri ini.

Negeri Perak terletak di tengah-tengah Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan beberapa buah negeri seperti Pulau Pinang dan Kedah di

utara, Kelantan dan Pahang di timur serta Selangor di selatan. Sungai Perak yang mengalir di negeri ini adalah sungai yang kedua terpanjang di Semenanjung Malaysia iaitu kira-kira 400 kilometer. Sungai Perak juga telah mencatat berbagai-bagai peristiwa sejarah bagi negeri ini.

Keluasan negeri Perak adalah lebih kurang 21005 kilometer persegi dan terbahagi kepada sembilan buah daerah iaitu Batang Padang, Kerian, Kinta, Kuala Kangsar, Perak Tengah, Hilir Perak, Ulu Perak, Larut dan Matang serta Manjung. Ibu negeri Perak adalah Bandar Raya Ipoh sementara Kuala Kangsar merupakan Bandar Diraja.

Kekurangan hasil bijih timah menyebabkan, negeri Perak memulihkan keadaan ekonomi dengan menyusun semula dasar ekonomi. Kini negeri Perak bergiat dalam sektor perindustrian, pertanian dan pelancongan.



Baru-baru ini Kerajaan negeri telah mengenal pasti 28 kawasan perindustrian yang sedang bergiat dan akan dimajukan. Kawasan yang sedia ada adalah Tasek, Jelapang, Kemunting, Kuala Kangsar, Seri Manjong, Parit Buntar dan Kampung Aceh. Ini menjadikan sektor pertanian sebagai sumber ekonomi terpenting di negeri ini. Hasil pertanian utama ialah kelapa, getah, kelapa sawit, padi dan buah-buahan. Kawasan penanaman kelapa yang terkenal adalah Bagan Datoh. Negeri Perak juga terkenal dengan limau tambun atau disebut juga limau bali.

Selain sektor pertanian, kegiatan penangkapan ikan juga merupakan sumber ekonomi utama kepada penduduk tempatan. Nelayan-nelayan di Perak menjalankan penangkapan ikan air dalam secara besar-besaran dengan menggunakan alat-alat seperti pukut tunda dan pukut tarik. Pangkalan-pangkalan nelayan yang terkenal di negeri Perak adalah Pulau Pangkor, Lumut, Bagan Datoh,



Kuala Kurau, Pantai Remis, Hutan Melintang dan Tanjung Piandang.

Dalam sektor pelancongan pula, banyak tempat peranginan yang menarik boleh dikunjungi. Antara tempat-tempat itu ialah Bukit Larut (*Maxwell Hill*), Teluk Muroh, Teluk Batik dan Telaga Air Panas Tambun.

Labu Sayung merupakan hasil kraf tangan yang popular di negeri Perak. Sayung merupakan sejenis tembikar yang dibuat secara tradisional. Satu lagi seni kraf tangan yang sungguh memikat hati ialah tekat benang emas. Berbagai-bagai hasil tekat benang emas seperti kipas, kasut, sarung bantal dan cadar dijual kepada para pencinta seni. Pusat-pusat kraf tangan yang popular adalah di Enggor, Kampung Berala, Kampung Padang Cangkat dan Kampung Kepala Bendang.

Negeri Perak mempunyai infrastruktur





dan sistem perhubungan yang baik yang memberi keselesaan kepada penduduk negeri ini. Negeri Perak juga mempunyai jalan raya yang baik sepanjang 3000 kilometer yang menghubungkan bandar-bandar atau pekan utama serta kawasan luar bandar. Pada tahun 1982, Lebuhraya Timur-Barat yang menghubungkan Grik di Perak dengan Jeli di Kelantan telah siap dibina. Lebuhraya ini telah dapat mengurangkan jarak sejauh 900 kilometer antara Ipoh dengan kawasan Pantai Timur.

Landasan kereta api Utara-Selatan pula memberikan kemudahan pengangkutan yang cepat dan cekap. Sebuah lapangan terbang yang menghubungkan Perak dengan bandar-bandar utama di Malaysia yang terletak di Ipoh, melengkapkan pengangkutan udara bagi negeri ini. Empangan Temenggor di negeri Perak adalah merupakan stesen janakuasa hidro yang terbesar di Malaysia.

Dalam bidang pendidikan, negeri Perak mempunyai beberapa pusat pengajian yang telah lama dikenali oleh masyarakat umum di Malaysia. Antara pusat-pusat itu ialah Maktab Melayu Kuala Kangsar, Institut Pendidikan Sultan Idris di Tanjung Malim dan Kampus Cawangan Universiti Sains Malaysia.

Negeri Perak pernah mengukir nama sebagai sebuah negeri yang kaya dengan hasil bijih timah. Hasil bijih timah telah menjadikan Perak sebuah negeri yang maju di Tanah Melayu. Kekurangan logam berharga itu tidak menjejaskan reputasi kerana kekurangan logam ini telah dapat menyusun semula dasar ekonomi yang dipegang sehingga dapat mengekalkan kestabilan ekonomi hingga ke hari ini.

Pemerintahan Kesultanan Perak bermula pada tahun 1528. Sultan yang pertama adalah Sultan Mudzaffar Shah yang berasal dari Kampar. Semasa baginda memerintah,

**Lintasan
Sejarah**



jawatan Bendahara Paduka Raja telah disandang oleh Megat Terawis yang berasal dari kerabat Diraja Pagar Ruyong (Minangkabau). Keturunan Megat telah memegang jawatan bendahara sehingga akhir kurun kelapan belas.

Pemerintahan beraja Perak mengikut salasilah mempunyai seramai 34 orang sultan, yang bermula dari Sultan Mudzaffar Shah I (1528-1549). Berikut disenaraikan sultan-sultan yang memerintah:

1. Sultan Mudzaffar Shah I (1528-1549) 21
2. Sultan Mansor Shah I (1549-1577) 28
3. Sultan Ahmad Tajuddin Shah (1577-1584) 8
4. Sultan Tajul Ariffin (1584-1594) 10
5. Sultan Alauddin Shah (1594-1603) 10
6. Sultan Mukaddam Shah (1603-1619) 17
7. Sultan Mansur Shah II (1619-1627) 9
8. Sultan Mahmud Shah II (1627-1630) 4
9. Sultan Sallehuddin (1630-1636) 7
10. Sultan Mudzaffar Shah II (1636-1654) 19
11. Sultan Mahmud Iskandar Shah (1654-1720) 66



12. Sultan Alauddin Mughayat (Riyat) Shah (1720-1728)
13. Sultan Mudzaffar Shah III (1728-1744)
14. Sultan Muhamad Shah (1744-1750)
15. Sultan Iskandar Dzaukarnain (1750-1765)
16. Sultan Mahmud Shah (1765-1773)
17. Sultan Alauddin Mansur Shah Iskandar Muda (1773-1786)
18. Sultan Ahmaddin Shah (1786-1806)
19. Sultan Abdul Malik Mansur Shah (1806-1825)
20. Sultan Abdullah Muazzam Shah (1825-1830)
21. Sultan Shahabuddin Riyat Shah (1830-1851)
22. Sultan Abdullah Muhammad Shah I (1851-1857)
23. Sultan Jaafar Muadzzam Shah (1857-1865)
24. Sultan Ali Al-Mukamal Imayat Shah (1865-1871)
25. Sultan Ismail Muabidin Riyat Shah (1871-1874)
26. Sultan Abdullah Muhammad Shah II



(1874-1886)

27. Sultan Yunus Sharifuddin Mudzaffar Shah (1886-1887)

28. Sultan Idris Murshidul Adzam Shah I (1887-1916)

29. Sultan Abdul Jalil Nasiruddin Shah (1916-1918)

30. Sultan Iskandar Shah (1918-1938)

31. Sultan Abdul Aziz Al Mustasim Billah Shah (1938-1948)

32. Sultan Yusuf Izuddin Shah (1948-1963)

33. Sultan Idris Al-Mutawakkil Alaihi Shah (1963-1984)

34. Sultan Azlan Muhibbuddin Shah yang menaiki takhta kerajaan pada 3 Febuari 1984.

Kemajuan negeri Perak telah dicapai sebelum campur tangan penjajahan Inggeris lagi. Pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Zulkarnain (1756-1770) banyak kemajuan telah dicapai. Ketika itu campur tangan Inggeris telah pun bermula sedikit demi sedikit. Apabila Perang Larut meletus, Inggeris telah dapat berta-



pak di Perak.

Daerah Larut adalah daerah yang kaya dengan bijih timah. Orang yang membuka Larut dan memajukan kawasan bijih timah tersebut adalah Long Jaafar. Pada mulanya Long Jaafar hanya menjadi wakil Sultan Perak di Larut untuk menjaga tanah lombong sultan. Pada tahun 1850 Raja Muda Perak telah mengurnia daerah Larut untuk diperintah oleh Long Jaafar. Enam tahun kemudian kekuasaan Long Jaafar terhadap Larut diperkukuhkan lagi oleh pengakuan Sultan Perak sendiri. Apabila Long Jaafar meninggal dunia pada tahun 1857, kekuasaan Long Jaafar telah diserahkan kepada anaknya, Ngah Ibrahim.

Ngah Ibrahim di gelar Raja Larut kerana semua hal-ehwal daerah Larut berada bawah kekuasaannya. Setelah Larut dibuka, ramai



Lombong Bijih Timah



orang Cina yang datang bekerja sebagai pelombong bijih timah. Selain daripada mendatangkan keuntungan, kewujudan bijih timah juga telah menyebabkan kekacauan di negeri Perak. Ini kerana pelombong-pelombong Cina di situ terdiri daripada beberapa suku kaum. Natijah daripada itu timbul dua pihak yang saling bertentangan.

Persengketaan orang Cina di Larut telah menimbulkan berbagai-bagai masalah kepada pihak Inggeris dan mereka mula campur tangan dalam pemerintahan negeri Perak secara tidak langsung. Terdapat dua sebab utama yang menyebabkan campur tangan Inggeris di Perak. Pertama ialah untuk menyelesaikan persengketaan antara pelombong-pelombong Cina di Larut dan kedua untuk menyelesaikan perselisihan antara Raja-raja Perak supaya perusahaan melombong bijih timah akan dapat dijalankan dengan baik untuk kepentingan mereka.

Pada 20 Januari 1874, pihak Inggeris dan pemerintahan negeri Perak telah membuat satu persetujuan yang dikenali dengan nama Perjanjian Pangkor. Semenjak termeterai Perjanjian Pangkor, corak pemerintahan di negeri Perak telah mengalami perubahan yang besar. Daerah Larut dengan sendirinya telah dimasuk semula ke dalam pemerintahan Kerajaan negeri.

Pada akhir tahun 1874 Gabenor Sir Andrew Clarke telah menghantar pegawai Inggeris dari Singapura, J.W.W Birch menjadi Residen British yang pertama di Perak. J.W.W Birch telah diberi kuasa oleh Inggeris untuk menentukan cukai dan semua hasil dalam negeri termasuk juga aturan-aturan pemerintahan bagi negeri ini. Pemilihan Birch sebagai Residen itu seolah-olah diaturkan oleh pihak Inggeris untuk mencetuskan suatu keadaan yang akan memberi kekuasaan yang lebih banyak kepada Inggeris.



Sultan Perak yang memerintah pada ketika itu ialah Sultan Abdullah Muhammad Shah II iaitu Sultan Perak yang kedua puluh enam. Keadaan dan kedudukan sultan pada ketika itu telah memaksa baginda menyerahkan pentadbiran Kerajaan Perak kepada Birch. Dengan kekuasaan yang ada padanya, Birch telah mengubah peraturan memungut cukai negeri Perak. Pembesarpbesar negeri tidak lagi dibenarkan memungut cukai seperti biasa. Perubahan mendadak ini tidak dipersetujui oleh pembesarpbesar malah Sultan sendiri.

Birch adalah seorang yang angkuh dan berani menghadapi sebarang kemungkinan. Beliau telah bertindak melampaui bidang kuasanya. Mengikut perjanjian sebenar, sultan hanya bersetuju melantik seorang Residen Inggeris untuk membantu baginda sebagai penasihat dalam semua perkara pentadbiran kerajaan, melainkan hal-ehwal yang ber-



sangkutan dengan adat istiadat dan agama Islam. Sebaliknya, Birch juga bertindak mencampuri hal-ehwal adat-resam orang Melayu dan beberapa perkara lain. Beliau telah membatalkan pajakan Sungai Perak oleh Sultan Abdullah dengan seorang saudagar di Singapura. Beliau juga telah mengambil alih tugas memungut cukai, melantik dan melucut jawatan penghulu dan pengadil-pengadil mahkamah. Menteri Ngah Ibrahim di Larut yang diberi kuasa oleh sultan untuk mentadbir daerah itu telah tidak bebas lagi menjalankan pentadbirannya. Semua tindakan Birch telah mendapat sokongan daripada Gabenor-gabenor negeri Selat.

Tindakan Birch itu telah menimbulkan kesedaran kepada Sultan Abdullah dan pembesar-pembesar negeri tentang kedudukan mereka sebagai pemerintah yang sah di tanah air mereka sendiri. Dengan kesedaran itu mereka ber-muafakat untuk menentang Inggeris dan



seterusnya menghapuskan Birch dari negeri Perak.

Rancangan membunuh Birch telah dapat dilaksanakan. Pada 2 November 1875, J.W.W. Birch telah dibunuh di Pasir Salak. Orang Besar Perak yang mengambil peranan utama adalah Datuk Maharaja Lela dan Datuk Sagor. Pembunuhan itu berlaku ketika Birch sedang mandi di sungai. Sebilah lembing telah dilontarkan kepadanya sehingga menembusi dinding tempat mandinya. Birch sempat terjun ke dalam sungai untuk mengelakkan serangan selanjutnya. Bagaimanapun ketika dia timbul semula, kepalanya telah diketuk oleh Si Putum.

Peristiwa pembunuhan yang bersejarah itu telah mencetuskan perang antara tentera British dengan orang Melayu di beberapa tempat di negeri Perak. Pada 16 November 1875 pasukan bersenjata Inggeris dapat mengalahkan kubu pertahanan Datuk Maharaja Lela.



Kampung Pasir Salak dan Kampung Gajah telah dibakar.

Selepas peristiwa bersejarah itu sistem pemerintahan negeri Perak telah disusun semula. Residen Inggeris yang berjaya menyusun semula pentadbiran negeri Perak ialah Sir Hugh Low (1877-1899). Beliau telah membawa banyak perubahan. Beliau telah mengadakan mahkamah keadilan dan Majlis Mesyuarat Negeri. Beliau juga membahagikan Perak kepada beberapa buah daerah. Setiap daerah atau jajahan dipecahkan kepada beberapa mukim dan kampung yang mempunyai ketua sendiri yang bergelar Penghulu.

Ketika pemerintahan Sir Hugh Low juga, landasan kereta api pertama dari Taiping ke Sepetang telah dibina pada Julai 1895. Pada bulan Julai 1896 Perak digabungkan dalam pemerintahan yang dinamakan Negeri-negeri Melayu Bersekutu termasuk negeri Selangor, Pahang



dan Negeri Sembilan.



Negeri Perak moden bermula pada masa pemerintahan Sultan Idris Mursyidul-a'azam Shah, iaitu Sultan Perak yang kedua puluh lapan. Baginda memerintah dari tahun 1887-1916. Sultan Idris sangat mengambil berat tentang pendidikan anak-anak Melayu. Baginda telah mendirikan

banyak sekolah. Antara sekolah itu ialah Maktab Melayu Kuala Kangsar yang dibuka pada tahun 1905 dan Sekolah King Edward VII di Taiping yang dibuka pada tahun 1906. Sebagai mengenang jasa baginda yang cemerlang dalam bidang pendidikan, sebuah maktab di Tanjung Malim yang dibuka pada tahun 1922 telah mengambil sempena nama baginda. Maktab itu ialah Maktab Perguruan Sultan Idris dan kini dikenali sebagai Institut Pendidikan Sultan Idris.

Sultan Idris mangkat pada tahun 1916 di Kuala Kangsar. Baginda digantikan oleh puteranya Sultan Abdul Jalil Nasiruddin Shah. Baginda memerintah tidak lama kerana mangkat pada tahun 1918. Sultan Perak yang berikutnya ialah Sultan Iskandar Shah, adinda kepada Almarhum Sultan Abdul Jalil. Sultan Iskandar Shah pernah memegang jawatan Penolong Pesuruhjaya Polis Negeri-negeri Melayu Bersekutu selama 16 tahun. Semasa baginda memerintah, baginda telah menggalakkan orang Melayu meningkatkan taraf hidup mereka. Baginda amat menitik beratkan soal-soal agama.



Sultan Sir Abdul Aziz Al Mustasim Billah Shah. Dua peristiwa penting semasa zaman pemerintahan baginda ialah ibu negeri Perak dipindahkan ke Bandar Ipoh dan Perang Dunia Kedua meletus. Negeri Perak dan seluruh Tanah Melayu diperintah oleh pihak tentera Jepun. Baginda kemudian mangkat pada 31 Mac 1948.



Sultan Yusuf Izuddin Shah



Sultan Perak yang ketiga puluh dua ialah Sultan Yusuf Izuddin Shah. Baginda memerintah dari tahun 1948 hingga 1963. Pada masa pemerintahan baginda, Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan. Pembangunan serta kemajuan negeri Perak dapat dilihat dengan jelas sejak negeri ini merdeka. Sultan Yusuf Izuddin Shah mangkat pada tahun 1963 dan digantikan oleh Sultan Perak ketiga puluh tiga iaitu Sultan Idris Iskandar Shah II. Baginda memerintah dari tahun 1963 hingga 1984 yang mengambil gelaran

Sultan Idris Shah Al-Mutawakkil Allaihi Shah.

Almarhum Sultan Idris telah dilantik sebagai Raja Di Hilir Perak semasa baginda berusia 10 tahun. Ketika berusia 14 tahun baginda telah dilantik sebagai Raja Bendahara. Selepas menamatkan pelajaran di sekolah rendah, baginda telah melanjutkan pelajaran di Maktab Melayu Kuala Kangsar. Baginda pernah memasuki pasukan Giyutai iaitu pasukan pertahanan yang ditubuhkan oleh pemerintahan Jepun.

Semasa zaman pendudukan Jepun di Tanah Melayu, Baginda telah menggalakkan pemuda-pemuda Melayu mempelajari taktik peperangan gerila. Langkah baginda yang paling berani semasa pemerintahan Jepun ialah baginda telah



membuat hubungan sulit dengan pasukan Gerila Force 136 di bawah pimpinan Kolonel Dobree (Pasukan Inggeris) untuk menentang tentera Jepun.

Baginda pernah menjadi Leftenan dalam Pasukan Volunteer Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Perkhidmatan baginda dalam pasukan tentera adalah cemerlang sehingga dinaikkan ke pangkat Mejar. Kemangkatan baginda secara tiba-tiba telah digantikan oleh Sultan Azlan Muhibbuddin Shah iaitu Sultan Perak ketiga puluh empat dan Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang kesembilan.

Sultan Azlan Shah adalah sultan yang paling terpelajar. Baginda diputerakan pada 19 April 1928 di Batu Gajah, Perak. Baginda mendapat Ijazah Undang-undang (L.L.B) dari Universiti Nottingham dan diterima masuk ke dalam Badan Peguam Inggeris oleh Honourable Society Of Lincoln's Inn London.



Sebelum dilantik menjadi sultan, baginda adalah seorang hakim yang terkemuka dan menjadi Ketua Hakim Negara. Terdahulu daripada itu, baginda telah menjawat beberapa jawatan kehakiman penting iaitu Majistret Kelas Pertama (1955-1956), Presiden Mahkamah Seksyen (1957-1959), Peguam Persekutuan dan Timbalan Pendakwaraya Perak (1959), Penasihat Undang-undang negeri Pahang (1959-1961), Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (1912-1963), Hakim Mahkamah Tinggi Tanah Melayu (1965-1973), Hakim Mahkamah Persekutuan, Tanah Melayu (1973-1978) dan Hakim Besar Tanah Melayu.

Sultan Azlan Shah juga mempunyai minat yang mendalam dalam bidang sukan, terutamanya hoki. Baginda begitu cergas dalam bidang ini serta berusaha mempertingkatkan mutu permainan hoki



di negara ini sehingga ke peringkat antara-bangsa.

Kegiatan Ekonomi dan Pentadbiran



Kerajaan negeri Perak memastikan semua aktiviti ekonomi seimbang untuk mencapai taraf sosioekonomi yang tinggi kepada penduduk. Jika pada suatu ketika dahulu ekonomi Perak banyak bergantung kepada sektor pertanian dan perlombongan, kini kerajaan sentiasa mencari sumber-sumber lain untuk meningkatkan taraf kemajuan negeri ini. Kemelesetan perlombongan bijih timah pada tahun 1983 telah mengalihkan ekonomi negeri Perak kepada sumber-sumber lain seperti sektor industri pembuatan, pembinaan, perdagangan, pelancongan dan perkhidmatan.

Sektor pembuatan telah menjadi salah satu sektor ekonomi terpenting di negeri ini. Sektor ini bertujuan untuk menarik pelabur-pelabur asing memperkembangkan lagi sektor perindustrian di

negeri Perak. Di Bandar Ipoh sahaja terdapat empat kawasan baru yang akan dimajukan iaitu di Pengkalan 7, Ceramic Batu 10, Kelabang dan Taman Meru Tambahan. Kawasan yang telah sedia ada ini akan ditambah lagi bagi perkembangan perindustrian. Seajar dengan pertambahan kawasan-kawasan perindustrian, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak telah menyediakan kemudahan infrastruktur kepada kawasan-kawasan yang telah terpilih. Ini menjadikan negeri Perak setaraf dengan negeri-negeri yang pesat membangun di Malaysia dari segi kemudahan awam dan infrastruktur.

Bidang pertanian masih lagi menjadi sumber ekonomi terpenting di negeri Perak. Bidang ini juga telah menyumbangkan peluang-peluang pekerjaan dan menjadikan Perak sebuah negeri yang maju dan kaya. Pada tahun 1970 kadar pengeluaran hasil pertanian adalah berjumlah RM480 juta, manakala pada tahun 1980, telah meningkat kepada



RM628 juta setahun. Ini membuktikan bahawa sektor pertanian telah menjadi salah satu sumber ekonomi yang penting bagi negeri ini.

Kelapa, getah dan kelapa sawit adalah hasil pertanian yang paling banyak didapati di negeri Perak. Kawasan tanaman kelapa yang terbesar di negeri ini ialah di Bagan Datoh. Selain itu, tanaman buah-buahan juga memberi sumbangan yang banyak kepada negeri ini.

Untuk mengekalkan kekukuhan ekonomi negeri ini, Kerajaan negeri Perak juga sedang menjalankan berbagai-bagai kaedah untuk menarik pelancong melancong ke negeri ini. Bersesuaian dengan Tahun Melawat Malaysia yang kedua pada tahun 1994, sektor pelancongan juga dijangkakan akan menyumbangkan pendapatan yang baik bagi negeri Perak.

Kemajuan negeri Perak hari ini dapat dibuktikan dengan kepesatan Banda raya



Ipoh iaitu ibu negeri Perak yang setaraf dengan bandar-bandar raya lain di Malaysia. Daripada hanya sebuah pekan kecil, Ipoh kini telah menjadi tumpuan dari segi perindustrian, pelaburan, pusat pengajian dan aktiviti sosial.

Menyentuh pula tentang pentadbiran negeri ini, sistem beraja negeri Perak mempunyai sedikit kelainan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Cara perlantikan sultan negeri ini tidak sama dengan negeri-negeri Melayu yang lain di Malaysia. Sistem perlantikan Sultan Perak boleh dianggap sebagai sistem pusingan atau giliran. Apabila seseorang sultan mangkat, baginda diganti oleh seorang kerabat Diraja yang terdekat. Putera sultan yang mangkat itu akan menunggu gilirannya pada masa yang lain melalui tiga peringkat.

Mengikut susunan yang telah diperbaiki daripada asalnya, Raja Muda dan Bendahara adalah khas pada keluarga



sahaja. Pangkat tertinggi yang diberi kepada orang kebanyakan di bawah Bendahara ialah Orang Kaya Besar, Temenggung dan Menteri. Mereka ini dipanggil Orang Besar Empat. Selain itu ada pula Orang Besar Delapan dan Orang Besar Enam Belas.

Perjalanan pentadbiran keseluruhan negeri ini adalah hampir sama dengan negeri-negeri lain. Pentadbiran negeri adalah dibahagi kepada beberapa daerah. Kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan serta syarikat-syarikat swasta sentiasa memastikan bahawa negeri Perak mempunyai sistem pentadbiran yang cekap demi kesejahteraan rakyat negeri ini.



Keindahan Perak Darul Ridzuan

Di Bandar raya Ipoh sahaja, terdapat lebih kurang sepuluh tempat yang menarik untuk dilawati. Bandar Ipoh terletak di tengah-tengah Lembah Kinta iaitu kawasan bijih timah yang terbesar di Malaysia.

Bandar Raya Ipoh tidak mempunyai bangunan tinggi seperti Kuala Lumpur. Bagaimanapun bangunan-bangunan baru dan beberapa buah bangunan lama di bandar ini sungguh menarik. Stesen Kereta Api Ipoh adalah bangunan lama yang mempunyai bentuk senibina Moorish yang unik. Bentuk bangunan ini hampir sama dengan bentuk bangunan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur.



Stesen Kereta Api

Di tengah-tengah kawasan bandar ini terdapat Taman Dr. Seeni-vasagam. Taman ini merupakan tempat orang ramai bersiar-siar sambil berehat. Di sini juga disediakan gelanggang kasut roda, taman permainan dan kereta api mini.



Taman Dr. Seeni-vasagam

Bagi mereka yang inginkan kemudahan untuk mandi di kolam air panas dan



juga sauna, mereka boleh mengunjungi Kolam Air Panas Tambun. Perjalanan ke kolam ini hanya mengambil masa 15 minit dari Bandar raya Ipoh. Kemudahan untuk mandi di kolam air panas ini dibuka dari pukul 3.00 petang hingga 12.00 malam.

Tempat-tempat lain yang menarik yang terdapat di sini ialah Kuil Buddha yang terletak di dalam sebuah gua batu kapur. Gua ini terletak kira-kira 6 kilometer ke utara Ipoh. Kuil ini telah dibina pada tahun 1926 oleh seorang sami Buddha yang berasal dari China.

Di dalam kuil ini terdapat 40 buah patung Buddha dan yang paling besar adalah patung Buddha yang setinggi 12.8 meter. Keistimewaan kuil ini ialah terletak di belakang gua yang mempunyai 385 anak tangga.

Salah satu peluang yang selalunya tidak akan lepaskan oleh para pengunjung di Ipoh ialah membeli limau bali. Buah ini



banyak didatangkan dari kawasan Tambun. Bandar raya Ipoh memang terkenal dengan limau bali Tambun.

• **Kuala Kangsar**

Kuala Kangsar terletak kira-kira 48 kilometer dari Bandar raya Ipoh. Kuala Kangsar adalah Bandar Diraja negeri Perak Darul Ridzuan.

Kuala Kangsar mempunyai beberapa tempat bersejarah yang menarik seperti istana, masjid dan maktab. Nama Kuala Kangsar juga tercatat dalam sejarah ekonomi negara kerana di sini pokok getah mula ditanam di Tanah Melayu.

Istana Iskandariah yang tersergam indah di Bukit Chandan merupakan tempat bersemayam Sultan Perak. Bentuk istana ini indah dan lengkap dengan



Masjid Ubudiah



kubah dan marmar serta mempunyai ciri-ciri seni bina Islam.

Tidak jauh dari istana ini terdapat Istana Kenangan atau istana lama yang mempunyai seni bina dan ukiran orang Melayu. Masjid Ubudiah yang merupakan salah sebuah masjid yang tercantik di Malaysia terletak berhampiran Istana Iskandariah. Masjid ini siap dibina pada tahun 1917.

Sebuah lagi tempat yang menarik dari segi sejarah ialah Maktab Melayu Kuala Kangsar yang ditubuhkan pada tahun 1905. Maktab ini telah melahirkan ramai pemimpin politik dan ahli profesional yang lain.

• Taiping

Taiping terletak kira-kira 87 kilometer dari Ipoh. Menurut sejarah bandar Taiping berasal dari dua perkataan Cina, *Tai Ping* yang bermaksud keamanan yang berkekalan.



Bandar ini terletak di kaki bukit Banjaran Titiwangsa. Bandar ini bermula sebagai sebuah kampung perlombongan di kawasan lombong



bijih timah di Larut. Melombong bijih timah masih lagi diteruskan di kawasan berhampiran tetapi secara kecil-kecilan sahaja.

Antara tempat-tempat menarik yang terdapat di bandar ini ialah Taman Tasik Taiping. Taman ini sesuai sebagai tempat berehat dan beriadah. Di dalam kawasan taman ini terdapat sebuah kawasan khas tempat mempamerkan berbagai-bagai jenis burung. Taman ini dikenali sebagai Taman Mergastua.

Sekarang Taiping merupakan antara bandar yang maju. Taiping juga merupakan sebuah pusat perusahaan dan pusat pelancongan yang penting di Perak. Tempat-tempat menarik yang paling popular di daerah ini ialah Bukit Larut atau





Bukit Larut

lebih dikenali dengan nama Bukit Maxwell. Bukit Maxwell merupakan tempat peranginan tanah tinggi yang tertua di Malaysia. Terdapat kemudahan-

kemudahan rumah rehat dan banglo-banglo bagi mereka yang ingin bercuti dan bermalam di sini.

• Tapah

Terdapat beberapa tempat menarik yang boleh dikunjungi di sini. Bagi yang ingin menikmati keindahan alam semula jadi, mereka boleh berkunjung ke Taman Rimba Kuala Woh. Para pengunjung yang datang ke sini akan berpeluang bermandi-manda, berkelah atau memancing.



Air Terjun Lata Iskandar

Sekiranya ingin-kan tempat yang lebih menarik anda bolehlah berkunjung ke Air Terjun Lata

Iskandar yang sememangnya mempunyai pemandangan yang menarik.

Satu lagi tempat menarik yang terdapat di sini ialah Taman Ternakan Rusa, Sungkai. Taman ini merupakan satu-satunya tempat ternakan rusa di negara ini dan telah mula beroperasi sejak tahun 1978. Di sini terdapat lebih kurang 100 ekor rusa yang bebas bergerak.

• Teluk Intan

Bandar ini merupakan ibu daerah Hilir Perak. Tiga perempat bahagian bandar ini dikelilingi oleh sungai. Banjir kerap berlaku apabila air pasang melimpah. Kejadian banjir yang kerap ini menyebabkan Teluk Intan diberi gelaran 'bandar banjir'.

Sebagai sebuah bandar lama, bentuk dan keadaan seluruh Bandar Teluk Intan agak sederhana namun kelihatan menarik. Menara Jam Condong di tengah-





*Menara Jam
Condong Teluk
Intan*

tengah bandar masih kukuh sebagai lambang Bandar Teluk Intan. Menara ini dikatakan telah berusia lebih 100 tahun yang didirikan pada tahun 1885. Menara ini berbentuk pagoda condong yang menyerupai bangunan Pisa di Itali. Bangunan ini telah dibina oleh seorang kontraktor Cina bernama Leong Choon Choong.



*Tuntung, di Pusat
Penetasan Bontu
Kanan, Perak*

Salah sebuah tempat yang menarik di sini ialah Pusat Penetasan Tuntung yang terletak di Bota Kanan iaitu kira-kira 40 kilometer dari Bandar raya Ipoh. Pusat ini telah dibuka pada tahun 1967 oleh Jabatan Mergastua dan Taman Negara, negeri Perak. Pembukaan pusat ini adalah bertujuan membendung masalah kepupusan Tuntung.

Bagi yang ingin melihat tuntut bertelur, para pelawat bolehlah ke sini antara bulan November hingga Mac. Pada masa ini banyak tuntut akan mendarat dan bertelur di kawasan ini.

• Lumut

Lumut terletak 84 kilometer ke arah selatan. Lumut adalah ibu daerah Manjung. Jarak pekan ini dari Bandar raya Ipoh ialah kira-kira 144 kilometer. Lumut merupakan pangkalan nelayan yang terbesar di negeri ini. Pekan ini juga menjadi pangkalan bagi para pelancong yang hendak ke Pulau Pangkor.

Di Lumut terdapat banyak pantai yang menarik untuk dikunjungi seperti Pantai Teluk Batik, Pantai Puteri Dewi dan Pantai Pasir Bogok.

Pantai Teluk Batik terletak 6 kilometer dari Pekan Lumut. Di sinilah pesta tahunan laut iaitu Pesta Laut Lumut diadakan.



Pesta yang diadakan pada bulan Oktober atau November setiap tahun ini disambut meriah oleh semua golongan masyarakat. Berbagai-bagai acara diadakan seperti pertandingan sukan air, pertunjukan budaya dan pesta makanan. Pada waktu-waktu yang lain pula Teluk Batik sering menjadi pilihan penggemar-penggemar alam semula jadi untuk berkhemah dan berenang.

• Pulau Pangkor

Pulau Pangkor pula merupakan pulau kegemaran ramai pelancong yang terletak di perairan negeri Perak. Pangkalan utama untuk ke pulau ini ialah Pekan Lumut. Di sekeliling Pulau Pangkor terdapat beberapa buah pulau kecil untuk dilawati. Antara pulau yang paling menarik adalah Pulau Pangkor Laut. Pulau ini juga dipanggil 'Pulau Impian' atau *Fantasy Island*. Air yang biru dan keindahan pantai-pantai ini pasti menambat hati para pelancong yang datang ke sini.



Negeri Perak adalah salah sebuah negeri di Malaysia yang mempunyai ciri-ciri budaya tersendiri. Antara ciri budaya yang istimewa ialah adat istiadat diraja, kesenian dan hasil kraf tangan.

Ciri-ciri Budaya

• Adat Istiadat Diraja

Pertabalan Sultan Perak pada amnya dijalankan dalam majlis besar-besaran penuh dengan adat istiadat yang telah diwarisi turun-temurun. Selain daripada keramaian gilang-gemilang di istana dan Bandar Diraja, baginda Sultan Perak dan Permaisuri serta pengiringnya akan menziarahi makam sultan-sultan Perak yang terdahulu sebagai tanda menghormati dan memperingati jasa-jasa mereka. Majlis pertabalan ini diakhiri dengan menziarahi Tebing Beras Basah. Tebing Beras Basah adalah tempat Sultan Muzaffar Shah (Sultan Perak yang pertama) mula-mula mendarat sesampainya baginda dari Kampar, Sumatera pada tahun 1528.



Cara perlantikan Sultan Perak adalah mengikut sistem giliran atau sistem pusingan. Dalam sistem ini apabila seseorang Sultan Perak mangkat, pengganti baginda bukanlah putera baginda tetapi diambil alih oleh kerabat terdekat baginda. Seseorang putera diraja Perak yang akan ditabal sebagai sultan terpaksa melalui tiga peringkat.

Mengikut sistem pewarisan takhta Perak, Sultan berada di tempat yang teratas, diikuti oleh Raja Muda (pengganti sultan) Raja Bendahara (yang akan mengambil tempat Raja Muda) dan Raja Dihilir (putera sultan).

• Nobat

Nobat adalah kumpulan alat-alat muzik yang menjadi sebahagian daripada alat kebesaran diraja. Nobat dimainkan khas dalam istana dan



Nobat

untuk adat istiadat tertentu sahaja. Nobat biasanya dimainkan sewaktu pertabalan, keputeraan, perkahwinan dan kemangkatan raja-raja. Selain dari Perak, negeri-negeri yang mempunyai nobat ialah Kedah, Selangor dan Terengganu.

Antara lagu-lagu nobat yang terkenal ialah lagu Raja Berangkat, Puteri Mandi Mayang, Dang Gidang, Rama-rama Terbang Tinggi, Kumbang Si Kumali, Aleh-aleh Panjang, Lenggang Che Kobat, Jong Beraleh, Gendang Perang, Nobat Raja, Nobat Khamu dan Nobat Subuh.

• Tarian dan Kesenian

Tarian dan kesenian adalah sebahagian daripada tradisi yang diwarisi sejak dahulu. Terdapat beberapa jenis tarian yang masih diminati oleh masyarakat di beberapa daerah negeri ini.

Salah satu kesenian yang masih diamalkan ialah Berudah. Berudah me-





rupakan seni muzik dan nyanyian tradisional yang dimainkan oleh empat orang iaitu tiga orang pemalu rebana dan seorang lagi pemalu gong. Sambil memalu mereka akan berzikir beramai-ramai. Adat kesenian ini biasanya dipersembahkan sewaktu menyambut orang kenamaan pada majlis-majlis adat seperti berkhatan, perkahwinan dan sebagainya. Dalam upacara-upacara tertentu permainan Berudah hampir menyamai permainan kompang atau hadrah.

Antara tarian-tarian yang masih di- amalkan di negeri Perak ialah tarian Gambus, tarian Lenggok, tarian Lipat Sila dan Telempong. Tarian-tarian ini dipersem- bahkan pada hari-hari keramaian tertentu.

• **Labu Sayong**

Labu Sayong merupakan hasil kraf tangan yang paling popular di negeri Perak. Labu Sayong banyak didapati di Sayong, Parit, Kuala Kangsar dan Pulau Tiga. Labu

Sayong merupakan sejenis tembikar yang dibuat secara tradisional.

Penghasilan hasil kraf tangan Labu Sayong berbeza daripada tembikar Sarawak. Labu sayong ini tidak menggunakan hiasan yang berlebihan atau menggunakan cat dan pewarna.



Dikatakan terdapat enam hingga tujuh jenis labu yang mengikut bentuk badan dan mulut. Antara yang paling umum ialah Labu Tanah, Labu Gomboli, Labu Besar, Labu Tela, Labu Leper atau Labu Lapan. Labu Lapan ialah labu yang berkaki. Terdapat juga jenis labu yang mempunyai tiga leher atau mulut yang dipanggil Labu Bermuncung Tiga.

• Seni Masakan

Negeri Perak Darul Ridzuan juga terkenal



dengan beberapa jenis masakan tempat terutama masakan ikan air tawar. Antara masakan yang terkenal di negeri ini ialah gulai lemak, rendang tok, nasi ulam, lempuk, leman, dodol dan tempoyak.



● Rumah Melayu Perak

Pada umumnya rumah-rumah Melayu tradisional Perak bertiang tinggi dan berbentuk limas. Ada juga bahagian bawah rumah

dijadikan tempat kediaman atau tempat bekerja. Di beberapa bahagian rumah ini seperti pada sisi rumah, tingkap, pintu dan lain-lainnya terdapat ukiran-ukiran yang menarik.

● Kesan-kesan Peninggalan Sejarah di Pasir Salak

Pasir Salak terletak di daerah Perak Tengah, iaitu di pinggir Sungai Perak. Pasir Salak menyimpan berbagai-bagai



peristiwa yang menyayat hati.

Pembunuhan J.W.W Birch, Residen Inggeris yang pertama di negeri Perak telah berlaku di Pasir Salak pada 2 November 1875. Pembunuhan itu berlaku ketika Birch berada di tempat mandi. Mayatnya telah dijumpai di Sungai Perak pada 6 November 1875.



Pasir Salak

Pada 7 November 1875, pihak Inggeris telah cuba menyerang Pasir Salak tetapi tidak berjaya. Antara pembesar Perak yang memimpin orang Melayu di Pasir Salak ialah Datuk Maharaja Lela dan Datuk Sagor. Untuk mengalahkan orang Melayu, pihak Inggeris telah membawa satu angkatan perang seramai 1600 orang. Akhirnya kubu Datuk Maharaja Lela telah dapat dikalahkan. Kampung Pasir Salak serta Kampung Gajah telah dibakar. Peristiwa kejam itu berlaku pada 16 November 1875.



Sultan Ismail, Maharaja Lela, Pak Endut dan pengikut-pengikutnya telah melarikan diri ke dalam hutan kerana diburu oleh askar Inggeris. Sultan Ismail cuba mendapatkan perlindungan Sultan Kedah tetapi baginda telah diserahkan kepada Naib Gabenor Pulau Pinang.

Datuk Sagor telah dapat ditangkap, manakala Datuk Maharaja Lela dan pengikut-pengikutnya telah menyerah diri pada Julai 1875 kepada Sultan Johor. Dari Johor mereka dibawa ke Singapura, kemudiannya ke Larut dan akhirnya dihukum gantung di Matang.

Di hadapan Masjid Pasir Salak kini terdiri Tugu Datuk Maharaja Lela, sebagai lambang pahlawan Melayu Perak menentang penjajahan Inggeris di negeri itu. Tidak jauh dari Masjid Pasir Salak terdapat pula pusara Si Putum, iaitu orang yang telah membunuh Birch. Pusara Datuk Maharaja Lela dan Datuk Sagor terletak di Matang, Taiping. Kubur J.W.W Birch dan



beberapa orang Inggeris yang terlibat dengan perang di Pasir Salak itu terletak di sebuah kampung di seberang Pasir Salak tidak jauh dari pekan kecil Kampung Gajah di dalam daerah Perak Tengah.

• Istana Kenangan (Muzium DiRaja)

Istana Kenangan dahulunya dikenali sebagai Istana Lembah atau Istana Tepas terletak di Bukit Chandan, Kuala Kangsar. Keseluruhan




bangunan istana ini dibuat daripada kayu. Istana ini jelas menunjukkan seni bina pertukangan yang halus. Istana ini berdinding kelarai dan berbumbung perambung pisang sesikat.

Istana ini siap dibina pada tahun 1931 dan telah menjadi tempat bersemayam Sultan Iskandar Shah, iaitu Sultan Perak yang ketiga puluh. Sementara menunggu



pembinaan Istana Iskandariah siap, pada tahun 1960 Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah memberikan nama baru bagi istana ini iaitu 'Istana Kenangan'. Dengan daya usaha beliau jugalah istana ini telah diperbaiki semula. Pada 16 November 1986 Istana Kenangan telah dirasmikan sebagai Muzium Diraja Perak. Istana ini menjadi simbol kebanggaan rakyat negeri ini kerana mengumpulkan segala khazanah diraja negeri Perak Darul Ridzuan.



Istana Hulu

● Istana Hulu

Istana bersejarah ini terletak di Bukit Chandan iaitu berhampiran dengan Masjid Ubudiah. Istana ini juga dikenali dengan nama Istana Kota. Istana ini mula dibina pada tahun 1898 dan siap dibina pada tahun 1903. Istana ini pernah menjadi

tempat bersemayam Sultan Idris Murshidul Azam Shah (Sultan Perak yang memerintah dari tahun 1887 hingga 1910). Kemudian baginda digantikan oleh puteranya iaitu Sultan Abdul Jalil. Apabila Sultan Abdul Jalil mangkat pada tahun 1918, istana ini telah diduduki oleh Sultan Yunus Izzudin Shah iaitu Sultan Perak yang ketiga puluh dua.

Pada tahun 1957, istana ini tidak lagi dijadikan sebagai tempat bersemayam sultan. Sebaliknya, Istana ini digunakan sebagai sekolah yang dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan Istana Kota. Tiga belas tahun kemudian nama sekolah tersebut telah ditukarkan kepada nama baru iaitu Sekolah Raja Perempuan Muzwin, bersempena dengan nama Raja Perempuan Perak, Raja Muzwin binti Raja Ariff Shah.

• **Kota Belanda**

Kota ini dibina oleh orang Belanda pada



tahun 1670. Menurut sejarah, kota ini didirikan dengan tujuan mengawal barang-barang dagangan di negeri ini terutama bijih timah daripada ancaman lanun dan juga orang Melayu yang sentiasa menentang penjajah Barat ketika itu.

Setelah diserang oleh angkatan Panglima Kulub, orang Belanda telah meninggalkan kota tersebut. Selepas perjanjian damai dibuat dengan pemerintahan Perak, pada tahun 1745 mereka dapat menduduki kota itu semula. Bagaimanapun pada tahun 1748 mereka telah meninggalkan kota itu buat selamanya.

• Kota Ngah Ibrahim

Bangunan kota ini dibina pada tahun 1856 iaitu sebaik sahaja Ngah Ibrahim berkuasa di Larut pada tahun 1857. Ngah Ibrahim adalah anak Long Jaafar yang telah membuka daerah Larut pada tahun 1848.



Kota ini telah digunakan sebagai tempat kediaman, pusat perdagangan, pusat pentadbiran dan juga pusat pertahanan. Perbicaraan penting terhadap orang yang telah dituduh membunuh J.W.W Birch dalam peristiwa berdarah di Pasir Salak telah diadakan di kota ini. Dalam perbicaraan itu beberapa orang telah dihukum mati dan Ngah Ibrahim sendiri dihukum buang negeri.

Pada tahun 1913 bangunan ini telah dijadikan Maktab Perguruan Melayu, iaitu sebelum Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim dibuka. Kemudian bangunan ini dijadikan Sekolah Kebangsaan Matang hingga tahun 1983. Tapak bangunan kota mempunyai keluasan seluas 1,314 kaki persegi. Tinggi tembok bangunan ini adalah enam kaki tujuh inci dan setebal dua kaki tiga inci. Di dalam kota tersebut terdapat sebuah rumah dua tingkat yang diperbuat daripada kayu yang menjadi tempat kediaman Ngah Ibrahim.



Kesimpulan

Negeri Perak adalah sebuah negeri yang kaya dengan bijih timah jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Kemajuan dan pembangunan negeri Perak jelas kelihatan setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan.

Pada hari ini bijih timah masih lagi merupakan hasil negeri Perak yang penting. Bijih timah memainkan peranan penting dalam ekonomi dan pembangunan negeri Perak dan juga Malaysia amnya.

Selain bijih timah, negeri Perak juga terkenal kerana banyak tempat menarik yang terdapat di negeri ini. Buah-buahan seperti jambu batu, limau bali dan durian yang boleh didapati dengan banyak di sini juga menjadikan nama negeri Perak menjadi sebutan.

Kemajuan negeri Perak keseluruhannya adalah amat membanggakan kerana telah dapat mengekalkan kestabilan



ekonomi meskipun pada suatu ketika dahulu sektor perlombongan telah menghadapi kejatuhan yang teruk.

